

# Mesyuarat agung Kesumba UMS hari ini

UB 21.6.13 B4

KOTA KINABALU: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (Kesumba) akan mengadakan mesyuarat agung tahunan ke-16 hari ini (21 Jun).

Mesyuarat itu yang bermula dari jam 8.30 hingga 11 pagi akan membincangkan beberapa agenda termasuk pemilihan jawatankuasa baharu bagi sesi 2013/2014.

Bertempat di Teratak Kesumba UMS, mesyuarat itu akan dirasmikan oleh Naib Canselor merangkap Penasihat Kelab itu, Prof Datuk D. Mohd Harun Abdullah.

Sehubungan itu, semua ahli Kesumba dijemput hadir bagi menjayakan mesyuarat agung berkenaan.